



KAMARUDIN (kiri) menyempurnakan gimik perasmian penutupan Seminar Bencana Alam.

UMS sedia khidmat nasihat

► Berkaitan pengurusan bencana alam

UG 25.10.2017 3

Oleh SADDAM EDRIS

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kajian Bencana Alam sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat kepada kerajaan dalam pengurusan bencana alam negara.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, pihaknya juga akan terus memperkasakan Pusat Kajian Bencana Alam dari segi tenaga pakar yang sesuai.

“Pengurusan UMS akan memperuntukkan kewangan penyelidikan yang mencukupi agar dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan.

“Untuk memastikan bencana alam dapat dikurangkan, penyelidikan multi-disiplin untuk mengetahui punca, kesan serta mitigasi ke atasnya juga perlu dipergiatkan,” katanya ketika merasmikan Majlis Penutupan Seminar Bencana Alam 2017, di Kota Kinabalu pada Isnin.

Katanya, hasil penyelidikan perlu dikongsi bersama agar dapat memberi manfaat seterusnya ditambah nilai oleh penyelidik terlibat.

Kamarudin percaya melalui penganjuran seminar bencana alam, setiap penyelidik akan dapat berkongsi maklumat hasil penyelidikan terkini dalam pelbagai aspek.

“Peserta juga berpeluang berbincang, bertukar maklumat dan idea seterusnya mewujudkan jaringan kerjasama dalam apa juga bidang berkaitan,” jelasnya.

Justeru, beliau berharap seminar yang diadakan sekali dalam dua tahun itu akan terus dipergiat dengan kerjasama pelbagai pihak bagi memberi kesedaran dan kefahaman mengenai kejadian bencana alam.

Turut hadir ialah Presiden Persatuan Geologi Malaysia Abdul Rasid Jaapar, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS Profesor Dr Baba Musta, Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam UMS Profesor Dr Felix Tongkul dan Pengerusi Seminar Bencana Alam 2017 Dr Rodeano Roslee.

“Pengurusan UMS akan memperuntukkan kewangan penyelidikan yang mencukupi agar dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan.”

**PROFESOR DATUK DR D
KAMARUDIN D MUDIN**
Naib Canselor UMS